

UMSKAL rai kanak-kanak dalam pertandingan bercerita sempena Tamu Gadang


UB 15.11.2014 34

Oleh HENRY BATING

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) meraikan kanak-kanak bawah 10 tahun dalam pertandingan bercerita sempena Tamu Gadang menjelang Majlis Konvokesyen UMS Ke-16 minggu hadapan.

Pegawai dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), Saradli Arsad menyampaikan hadiah-hadiah kemenangan kepada Mawar Baiduri Zuffary (pertama), Nurfarahdina Normaizol (kedua), Mohd Fareish Jehan Johari (ketiga) dan Ferda Jahanara Johari (keempat).

"Pertandingan bercerita ini dibuka kepada kalangan pelajar tahap satu sekolah rendah kebangsaan di seluruh Wilayah Persekutuan Labuan dengan



SARADLI menyampaikan hadiah pertama kepada Mawar diiringi Norizal (kiri).

penerimaan 15 penyertaan peserta yang terawal sahaja," kata Mohd Norizal Md Jumat yang mengendalikan urusan pertandingan.

Pertandingan yang diadakan di ruang legar Menara UMSKAL itu telah

menampilkan cerita peserta berasaskan kepada cerita-cerita rakyat Malaysia yang mengandungi unsur-unsur pengajaran dan nilai-nilai murni sejagat yang tidak menyentuh isu politik, bangsa dan agama.



PARA pemenang pertandingan bercerita bergambar bersama juri dan penganjur.